

Helo Kampus



kampus@utusan.com.my



UTHM raih anugerah

Terima pengiktirafan antarabangsa melalui Anugerah Khas ITEX'15

Oleh **MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my



HASIL penyelidikan dan inovasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan kejayaan memperoleh anugerah khas, lima pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi sempena 26th International Invention,

Innovation, and Technology Exhibition 2015 (ITEX'15) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

UTHM telah meraih anugerah khas yang dimenangi oleh Fakri Othman dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

Lima pingat emas pula diperoleh melalui hasil penyelidikan yang diketuai Fakri Othman, Prof. Madya Dr. Abd. Mutalib Leman dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan; Prof. Madya Dr. Saidin Wahad dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan; Dr. Mohd Ezree Abdullah dan Dr. Kamaruddin

Ambak dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar.

Lebih 700 produk hasil penyelidikan dan inovasi menyertai pertandingan ini dan melibatkan peserta daripada institusi pengajian tinggi, syarikat korporat, agensi-agensi kerajaan, persatuan inovasi, dan individu perseorangan.

Pertandingan ini turut disertai peserta antarabangsa dari pelbagai negara seperti Iran, Korea Selatan, Poland, Russia, Taiwan, Vietnam, Arab Saudi, Filipina, China dan Hong Kong.

Pertandingan penyelidikan dan inovasi ini telah diadili oleh panel hakim dari negara luar selain agensi

yang menilai dalam beberapa aspek seperti keaslian idea, pembaharuan dan inovasi yang dilakukan, sumbangan kepada masyarakat serta potensi untuk dikomersialkan.

Pameran ini telah menjadi medium bagi membantu para penyelidik untuk mewujudkan kerjasama dengan pihak luar dalam mengkomersialkan penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan.

Maklum balas yang diterima serta hasrat dan minat yang ditunjukkan oleh semua pihak untuk kerjasama pengkomersialan diharapkan dapat meningkatkan hasil pengkomersialan UTHM.



SEBAHAGIAN daripada penerima anugerah penyelidikan dan inovasi UTHM sempena ITEX'15 di Kuala Lumpur baru-baru ini.